



## **GARIS PANDUAN PEMBAYARAN PAMPASAN KERANA KELEWATAN MEMBUAT BAYARAN BALIK LEBIHAN CUKAI PENDAPATAN**

---

### **1. Pengenalan**

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan memberi penjelasan berkenaan bayaran pampasan sebanyak 2% yang akan dibayar kepada pembayar cukai yang layak kerana kelewatan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) membuat bayaran balik lebih cukai pendapatan mulai Tahun Taksiran 2013 di bawah Seksyen 111D Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967). Kelewatan membuat bayaran balik lebih cukai pendapatan bermaksud lebih cukai pendapatan yang dibayar selepas tempoh 90 hari bagi pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui e-Filing dan 120 hari bagi pengemukaan BNCP secara pos atau serahan di kaunter (borang kertas).

### **2. Pembayar Cukai Yang Layak Dibayar Pampasan**

- 2.1 Pembayar cukai yang layak dibayar pampasan adalah seperti berikut:
- (a) BNCP dikemukakan sebelum atau pada 30 April bagi individu yang berpendapatan penggajian.
  - (b) BNCP dikemukakan sebelum atau pada 30 Jun bagi individu yang menjalankan perniagaan.
  - (c) BNCP dikemukakan dalam tempoh tujuh (7) bulan dari tarikh perakaunan berakhir bagi kes syarikat / perkongsian liabiliti terhad / badan amanah / koperasi.
  - (d) BNCP yang dikemukakan adalah betul dan lengkap.
- 2.2 Bayaran balik lebih cukai yang layak bagi tujuan pampasan merujuk kepada lebih cukai yang telah dibayar di bawah Seksyen 107 ACP 1967 (Potongan Cukai Bulanan - PCB), Seksyen 107B ACP 1967 (Notis Bayaran Ansuran – CP500) dan Seksyen 107C ACP 1967 (Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar oleh Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad / Badan Amanah / Koperasi – CP204/CP205).

### 3. Pengiraan Pampasan

Pampasan adalah dikira berdasarkan kepada asas harian mulai daripada hari pertama:

- (a) Selepas 90 hari dari tarikh akhir pengemukaan BNCP yang dihantar melalui e-Filing mengikut kategori pembayar cukai, atau
- (b) Selepas 120 hari dari tarikh akhir pengemukaan BNCP yang dihantar secara pos atau serahan di kaunter mengikut kategori pembayar cukai.

### 4. Pembayar Cukai Yang Tidak Layak Dibayar Pampasan

Kes-kes bayaran balik yang tidak layak dibayar pampasan adalah seperti berikut:

- (a) BNCP dikemukakan selepas tarikh yang ditetapkan menurut ACP 1967.
- (b) Terdapat kesilapan tuntutan.

#### Contoh 1

A telah tersalah menuntut pelepasan anak yang belajar di institusi pengajian tinggi peringkat diploma di luar negara yang mana amaun potongan dibenarkan ialah RM1,000.00 tetapi amaun yang dituntut adalah sebanyak RM6,000.00.

- (c) Pembayar cukai membuat rayuan terhadap taksiran.
- (d) Pembayar cukai tidak mempunyai jadual ansuran cukai Seksyen 107, Seksyen 107B dan Seksyen 107C ACP 1967.
- (e) Tolakan cukai di bawah Seksyen 110 ACP 1967 adalah melebihi amaun cukai kena dibayar.
- (f) Terdapat kesilapan pengiraan matematik.

#### Contoh 2

B menuntut pelepasan diri berjumlah RM9,000.00 dan pelepasan belian buku sebanyak RM100.00 di dalam Borang BE 2013. Walau bagaimanapun jumlah pelepasan yang dituntut pada rumusan cukai adalah sebanyak RM10,000.00 sedangkan jumlah sebenar hanyalah sebanyak RM9,100.00 sahaja.



- (g) Pembayar cukai gagal mematuhi jadual ansuran Seksyen 107, Seksyen 107B dan Seksyen 107C ACP 1967.

**5. Bayaran Balik Yang Kurang Daripada RM100.00 Bagi Syarikat Atau RM50.00 Bagi Individu**

- (a) LHDNM akan memberitahu pembayar cukai melalui surat pemberitahuan jika jumlah bayaran balik adalah kurang daripada RM100.00 bagi syarikat atau kurang daripada RM50.00 bagi individu.
- (b) Sekiranya tiada permohonan dibuat oleh pembayar cukai, amaun kredit di dalam lejer pembayar cukai akan dihantar ke tahun berikutnya.
- (c) Jika pembayar cukai memohon untuk mendapatkan bayaran balik, permohonan tersebut mestilah dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam surat pemberitahuan.
- (d) Pembayar cukai layak mendapat pampasan jika bayaran balik dibuat di luar tempoh masa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 111D ACP 1967.

**6. Pengiraan Pampasan Kerana Kelewatan Membuat Bayaran Balik Lebih Cukai Pendapatan**

- 6.1 Pampasan sebanyak 2% akan dibayar mengikut kaedah seperti berikut:

$$A \times \frac{B}{C} \times 2\%$$

Di mana,

- A : Amaun pembayaran balik di bawah Seksyen 111 ACP 1967.
- B : Bilangan hari bermula daripada hari pertama selepas tamat tempoh 90 hari atau 120 hari dari tarikh akhir BNCP perlu dikemukakan sehingga bayaran balik diluluskan.
- C : Bilangan hari dalam setahun (365 hari).

**Contoh 3**

Encik Abu mempunyai pendapatan penggajian dan telah mengemukakan Borang BE 2013 melalui e-Filing pada 30 April 2014. Amaun cukai kena dibayar adalah sebanyak RM110,000.00 dan bayaran PCB bagi Tahun Taksiran 2013 adalah RM150,000.00. Encik Abu layak untuk bayaran balik sebanyak RM40,000.00. Kelulusan oleh

LHDNM adalah pada 31 Ogos 2014. Pampasan 2% perlu dibayar ke atas amaun RM40,000.00.

Pengiraan:

$$A \times \frac{B}{C} \times 2\%$$

Di mana,

A : RM40,000 (Bayaran PCB RM150,000.00 tolak cukai kena dibayar RM110,000.00).

B : 33 hari (Tempoh: 30 Julai 2014 hingga 31 Ogos 2014. Bilangan hari untuk tujuan pampasan adalah dikira dari hari pertama selepas tamat tempoh 90 hari dari tarikh akhir BNCP perlu dikemukakan bagi kes e-Filing hingga bayaran balik diluluskan).

$$RM40,000 \times \frac{33 \text{ hari}}{365 \text{ hari}} \times 2\% = \mathbf{RM72.33}$$

#### Contoh 4

Encik Ah Kau mempunyai pendapatan perniagaan dan telah mengemukakan Borang B 2013 (borang kertas yang betul dan lengkap) di kaunter pada 3 Jun 2014. Amaun cukai kena dibayar adalah sebanyak RM100,000.00. Anggaran ansuran CP500 bagi Tahun Taksiran 2013 mengikut jadual CP500 adalah RM120,000.00. Amaun ansuran yang dibayar adalah sebanyak RM120,000.00. Amaun bayaran balik yang diproses adalah RM20,000.00 dan kelulusan oleh LHDNM adalah pada 15 Disember 2014. Pampasan 2% perlu dibayar ke atas amaun RM20,000.00.

Pengiraan:

$$A \times \frac{B}{C} \times 2\%$$

Di mana,

A : RM20,000 (Bayaran mengikut jadual CP500 sebanyak RM120,000 tolak cukai kena dibayar RM100,000.00).



B : 48 hari (Tempoh: 29 Oktober 2014 hingga 15 Disember 2014. Bilangan hari untuk tujuan pampasan adalah dikira dari hari pertama selepas tamat tempoh 120 hari dari tarikh akhir BNCP perlu dikemukakan bagi kes borang kertas hingga bayaran balik diluluskan).

$$\text{RM20,000} \times \frac{48 \text{ hari}}{365 \text{ hari}} \times 2\% = \text{RM52.60}$$

## 7. Pungutan Semula Pampasan Dan Kenaikan 10% Ke atas Pampasan.

- 7.1 Sekiranya kesilapan berlaku kerana LHDNM, LHDNM mempunyai hak untuk memungut balik bayaran pampasan yang telah dibayar.
- 7.2 Sekiranya kesilapan berlaku kerana pembayar cukai, LHDNM mempunyai hak untuk mendapatkan kembali amaun pampasan yang telah dibayar bersama dengan kenaikan sebanyak 10% atas amaun bayaran pampasan yang sepatutnya tidak dibayar.

### Contoh 5

C telah menerima bayaran pampasan 300.00 atas kelewatan LHDNM memproses bayaran balik. Setelah auditan dijalankan didapati pendapatan telah berkurang lapor. Jumlah pampasan yang telah dibayar sebanyak RM300.00 hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan kenaikan sebanyak 10% berjumlah RM30.00 (RM300.00@10%).

- 7.3 Sekiranya pembayar cukai gagal mengembalikan keseluruhan pampasan yang telah dibayar (termasuk kenaikan 10%) LHDNM akan mengeluarkan surat tuntutan dan seterusnya mengambil tindakan guaman sivil ke atas pembayar cukai.
- 7.4 Jika cek bayaran balik dikembalikan tanpa serah, bayaran pampasan akan dikreditkan ke dalam lejer pembayar cukai. Selanjutnya, jika pembayar cukai membuat permohonan untuk bayaran balik, LHDNM akan membayar kepada pembayar cukai jumlah pampasan yang sama sepertimana yang telah dikreditkan sebelum ini.



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

- 8 Carta aliran bagi proses kerja pembayaran pampasan kerana kelewatan membuat bayaran balik lebih cukai adalah seperti di **Lampiran A**.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

15 Mei 2014

LAMPIRAN A

**CARTA ALIRAN PEMBAYARAN PAMPASAN KERANA KELEWATAN MEMBUAT  
BAYARAN BALIK LEBIHAN CUKAI PENDAPATAN**

